

Najib gesa Keng Yaik, Kayveas selesai perbalahan ikut cara BN

BH-21/3/2007

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, beliau sudah mengadakan pertemuan dengan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M Kayveas, kelmarin bagi menyelesaikan perbalahan antara kedua-dua pemimpin itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan itu beliau menasihati kedua-dua pemimpin itu supaya tidak meneruskan perbalahan secara terbuka.

"Saya menasihati kedua-dua pemimpin supaya menyelesaikan masalah mereka dengan menyandarkan semangat pemuafakatan BN," katanya tanpa mengulas lanjut butiran pertemuan itu ketika ditemui, di lobi Parlimen, di sini, semalam.

Najib berkata, pertemuan secara tidak formal kedua-dua pemimpin parti itu dibuat sebelum mesyuarat pramajlis Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC) sempena perasmian mesyuarat pertama, Penggal Keempat Parlimen ke-11, kelmarin.

Perbalahan antara Dr Lim dan Kayveas berpunca daripada kerusi Parlimen Taiping yang sebelum ini milik Gerakan sebelum diberikan kepada PPP pada pilihan raya umum 2004.

Pergeseran kedua-dua parti memuncak apabila wakil Gerakan yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang, Tan Lian Hoe dilantik menjadi Pengerusi BN Taiping pada Jun tahun lalu.

Selepas pelantikan itu, Tan pada

sidang medianya mengumumkan misi utamanya selepas itu ialah mendapatkan kembali kerusi Parlimen Taiping daripada PPP.

Sejak itu perbalahan Gerakan dan PPP termasuk membabitkan kedua-dua pemimpin parti berkenaan semakin hangat.

Selama ini, kerusi Parlimen Taiping sering diberikan kepada calon Gerakan untuk ditandingi sebelum diberikan kepada PPP pada pilihan raya umum lalu.

Minggu lalu, Kayveas meminta Dr Lim meletak jawatan jika beliau dapat buktikan pelbagai dakwaannya terhadapnya seperti pernah dipecat daripada MCA adalah silap. Dr Lim pula ketika menjawab kenyataan Kayveas menyatakan Presiden PPP itu sebagai 'pemimpin yang keliru'.